

BAB SATU

PENDAHULUAN

BAB SATU
PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Masalah

Perceraian merupakan satu perkara yang diharuskan oleh Syariat Islam untuk umat manusia kerana ia mengandungi hikmat-hikmat yang tertentu di sebaliknya.

Macalah perceraian yang berlaku di kalangan umat Islam pada hari ini adalah sangat berleluasa sekali dan kadarnya boleh dikatakan meningkat dari setahun ke setahun di seluruh negeri di Malaysia.

Setiap perceraian yang berlaku boleh mengakibatkan kesan-kesan yang negatif dan positif kepada pihak-pihak yang terlibat. Namun begitu apa yang berlaku pada hari ini kesan-kesan negatif dari perceraian itu lebih banyak berlaku dari kesan-kesan positif.

Oleh kerana itu adalah menjadi satu tanggungjawab kepada kita semua untuk mencari jalan penyelesaian bagi masalah tersebut. Tetapi perkara ini akan hanya dicapai apabila punca-punca yang menjadi penyebabnya dapat ditentukan.

Justeru itu penulis mengambil inisiatif untuk menjalankan kajian di dalam masalah ini setelah membaca laporan akhbar yang menyatakan bahawa kadar perceraian di Daerah Klang adalah merupakan yang ketiga tertinggi di negeri Selangor Darul Ehsan.

1.2 Tujuan Kajian

Penulisan tentang kajian perceraian di daerah Klang ini adalah sebagai memenuhi sebahagian syarat keperluan bagi mendapatkan Ijazah Sarjana Muda Syariah Akademi Islam Universiti Malaya.

Di dalam kajian ini penulis menafokaskannya terhadap masalah perceraian yang berlaku di kalangan umat Islam di daerah penulis sendiri termasuk mereka yang berbangsa Melayu,Cina,India,Sikh,Serani dan lain-lain.

Selain dari itu penulisan ini juga merangkumi punca-punca utama perceraian,masalah dan kesan yang timbul darinya dan kadar-kadar perceraian yang berlaku bermula dari tahun 1985 hingga Oktober 1989 untuk mengenalpasti keseriusan masalah ini.

Oleh itu penulis telah berusaha mendapatkan maklumat-maklumat yang perlu dari pihak-pihak yang terlibat terutama Pejabat Agama Islam Daerah Klang,Pejabat Daerah Klang,isteri-isteri yang dicerai-kan serta keluarga yang terlibat.

Akhir sekali penulis ingin membuat perbandingan tentang perceraiian yang berlaku di kalangan bangsa Melayu dan kaum-kaum yang lain berdasarkan perkara-perkara yang telah disebutkan di atas.

Sehelum penulis menutup kajian ini penulis membantul beberapa kesimpulan dan saranan-saranan untuk penyelesaian kepada masalah ini.

Senoga kajian ini dapat memberi manfaat kepada diri penulis dan masyarakat seluruhnya.

1.3 Bidang Kajian

Penulisan di dalam tajuk ini adalah dibuat berdasarkan kepada pandangan fiqh Islam dan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 1984.

Di samping itu penulis juga membuat rujukan kepada kes-kes yang telah difaikkan dari tahun 1985 hingga Oktober 1989 di Pejabat Agama Islam Daerah Klang.

Manakala pengkhususan kajian ini adalah kepada masyarakat Islam yang tinggal di Daerah Klang yang diambil sebagai sampel kajian untuk mewakili masyarakat Islam di negeri Selangor Darul Ehsan.

4 Metod Kajian

Kajian atau penyelidikan ini dilakukan merangkumi proses pengumpulan data, pengolahan, pengkajian dan penganalisaan yang dilakukan dengan secara teliti untuk memecahkan permasalahan mengenai permasalahan yang berlaku di kalangan umat Islam di daerah Klang.

Dalam menjalankan penyelidikan ini penulis menggunakan metod-metod yang tertentu bagi mencapai segala objektif kajian yang dirancangkan.

Pertama, penulis telah menggunakan cara pengumpulan data melalui dua cara utama iaitu kajian melalui bahan-bahan bertulis seperti buku-buku bertahasus Melayu dan bertahasus Arab, majalah-majalah, kertas-kertas kerja, akhbar-akhbar di perpustakaan dan perbadanan, laporan Taklimat Pengharguan Pejabat Daerah Klang serta fail-fail kos di Pejabat Agama Islam Daerah Klang.

Bagi melengkapkan maklumat yang didapati penulis telah menggunakan metod temubual atau wawancara dan observasi dengan kakitangan yang berada di Pejabat Agama Islam Daerah Klang dan mereka yang berurusan di situ.

Temubual dilakukan dengan secara langsung terhadap beberapa rang pagawai dan kakitangan di PAIK yang terdiri dari Pegawai Ke-

bajikan Wanita, Pegawai Zakat Dan Baitulmal, Pegawai Dakwah Dan Pengajar, kerani mahkamah dan penghantar notis. Iai dilakukan untuk memperolehi maklumat mengenai kadar perceraian, jenis dan sebab-sebab perceraian bagi tahun-tahun yang telah disebutkan. Juga untuk membuat perbandingan antara orang Melayu dan bukan Melayu dalam permasalahan-perkara di atas. Akhirnya untuk mengetahui prosedur-prosedur yang perlu diikuti sebelum sesuatu perceraian itu berlaku.

Selain dari itu penulis juga menggunakan kaedah temubual dengan beberapa orang wanita yang datang mengadukan hal mereka di sini sama ada untuk mencalon perceraian atau mencalon nafkah . Iai dilakukan dengan tujuan untuk mendapatkan maklumat tentang masalah atau krisis rumah tangga yang boleh membawa perceraian dan kesan berhadap mereka jika sekiranya perceraian itu berlaku.

Metod kedua pula ialah dengan cara observasi. Di sini penulis membuat perhatian tentang suasana di tempat kerja itu sendiri untuk menganalisa perkaitannya dengan kelincinan penyelesaian sesuatu kes. Juga untuk mengetahui siapakah golongan yang paling ramai datang ke sini untuk membuat urusan khasnya mengenai perceraian.

3. Masalah Kajian

Di dalam menyiapkan kajian ilmiah ini penulis telah menghadapi berbagai-bagai masalah terutama semasa mengumpulkan data yang melibatkan kajian luar.

Di antara masalah utama yang dihadapi ialah responden-sponden yang tidak dapat memberikan kerjasama yang sesuai dan maklumat diminta. Ini disebabkan kesibukan masing-masing kakitangan yang berada di Pejabat Agama Islam Daerah yang merupakan di antara Pejabat Agama yang paling sibuk di negeri Selangor. Di sini penulis hanya dapat mengadakan temubual dengan Pegawai Kebajikan Wanita dan Pegawai-pegawai yang lain termasuk kakitangan bahagian pentadbiran mahkamah dan satu perkara yang mendukungnya penulis tidak dapat menemui pihak qadi. Disebabkan beberapa masalah teknikal yang tidak dapat diatasi.

Walau bagaimanapun al-Hamdiullah dengan segala maklumat yang diberikan oleh kakitangan-kakitangan yang lain penulis dapat menggunakaninya di dalam menjalankan penyelidikan terhadap tajuk atas.

Fail-fail kes yang tidak begitu tersusun juga menimbulkan masalah bagi penulis menyiapkan kajian ini dengan segera. Segala penyusunan data terpaksa diperolehi dengan menyelidikiri dan meng-

malisa sendiri fail-fail tersebut.

Selain dari itu terdapat juga pihak-pihak yang terlibat dalam sesuatu perceraihan itu tidak mahu nama-nama mereka ditulis. Selain pula yang memberikan jawapan-jawapan yang kurang memuaskan terhadap soalan-soalan yang diberikan. Perkara ini mungkin disebabkan perasaan itu menyentuh peribadi pihak-pihak yang terlibat.

Namun begitu penulis merasa bersyukur kerana dapat menyiapkan kajian ini walaupun menghadapi berbagai masalah kerana penulis menyedari bahawa tajuk yang dipilih itu adalah sesuatu yang sensitif terutama kepada kaum wanita.